

30 SEP 1997

Mahathir-Frei

PRESIDEN CHILE SOKONG URUSNIAGA MATA WANG SECARA TERATUR, KATA MAHATHIR

Oleh: K.C.Leong

SANTIAGO, 30 Sept (Bernama) -- Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz-Tagle menyuarakan sokongan beliau kepada Malaysia yang mahu urusan mata wang dunia dijalankan secara teratur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata dalam perbincangan mereka pagi ini, beliau telah menerangkan kepada pemimpin Chile itu bahawa kesan buruk daripada manipulasi pasaran mata wang Asia itu juga turut memberi kesan kepada negara-negara lain yang sama-sama terdedah.

"Saya menegaskan perlunya negara-negara membangun bekerjasama rapat untuk melindungi mereka daripada manipulasi seperti itu dan beliau (Frei) bersetuju dengan saranan ini dan sebab itulah beliau berkata beliau sangat menyokong Malaysia bagi mewujudkan urusan mata wang teratur," kata Dr Mahathir pada satu sidang berita di sini.

Katanya tidak ada cadangan khusus dibuat bagaimana untuk mencapai matlamat itu tetapi beliau membayangkan beberapa ide bagaimana perdagangan mata wang boleh dikenakan peraturan. "Perkara yang paling penting yang telah dipersetujui ialah kita perlu bekerjasama dan menghasilkan satu kaedah bagaimana perdagangan mata wang lebih terbuka."

Sambil menyatakan bahawa ringgit masih lagi terdedah kepada serangan, Perdana Menteri berkata para pedagang nampaknya memiliki bekalan ringgit yang tidak terhad tetapi tidak diketahui di mana mereka mendapat wang itu.

Sungguhpun perdagangan antarabangsa lain seperti saham dan komoditi dijalankan dalam pasaran yang kukuh dan teratur, ini tidak berlaku pada perdagangan mata wang yang beliau sifatkan sebagai "gelap sepenuhnya, tidak terbuka langsung".

"Jadi jika negara-negara seperti Malaysia mahu hidup, kita perlukan urusan (mata wang) dijalankan secara terbuka", katanya dan menambah kata sebuah pasaran yang sempurna perlu mempunyai aturan dan peraturan serta undang-undang.

Menjawab pertanyaan, beliau menjelaskan Malaysia tidak mahu mengenakan kawalan ke atas perdagangan mata wang.

Walaupun sesetengah pihak percaya bahawa pasaran perlu bebas sepenuhnya dengan tiada kawalan langsung, peraturan yang Malaysia perjuangkan hanya bertujuan memastikan para peserta adalah pedagang biasa dan "bertujuan supaya penyangak tidak ikut serta".

Beliau mengakui bahawa kemelut yang berlaku dalam pasaran antarabangsa sekarang akan memberikan kesan terhadap kadar pertumbuhan Malaysia tahun ini dan dalam beberapa tahun akan datang tetapi tidak mahu agar tekaan mengenainya menjadi meleset.

Ditanya mengenai pandangan terhadap kedudukan dunia unipolar sekarang, Perdana Menteri berkata sebuah dunia yang tunggal mestilah ia ditadbir bukan oleh kuasa tetapi dengan peraturan undang-undang.

Beliau berkata mesti terdapat undang-undang antarabangsa yang setiap orang perlu hormati dan bukan menjadi sebuah negara yang buat undang-undang dan menguatkuasakannya terhadap yang lain.

"Itu satu kesilapan," tambahnya.

Beliau juga melahirkan rasa puas hati dengan tahap hubungan antara Malaysia dan Chile dan berkata terdapat banyak peluang yang boleh diterokai oleh kedua-dua belah pihak untuk meningkatkan lagi tahap kerjasama.

Katanya sejak lawatan terakhir beliau ke sini pada 1991, Chile telah mencapai pertumbuhan yang menakjubkan yang bermakna peluang untuk membuka

perniagaan di dalam negara 14 juta penduduk ini, sebuah negara paling makmur di Amerika, telah meningkat dengan banyaknya. -- BERNAMA
LKC TCL oba